

Luahkan pendirian tegas negara terhadap Palestin di depan Trump

Keupayaan Malaysia mengekalkan hubungan baik dengan ketiga-tiga kuasa besar dunia dalam masa singkat menunjukkan kredibiliti dasar luar negara seimbang dan pragmatik

Kehadiran Trump walaupun kontroversial, sebenarnya adalah peluang besar untuk memperkukuh kedudukan Malaysia dalam arus ekonomi global dan geopolitik antarabangsa



Felo Bersekutu di Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AIIAD) merangkap Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Datin Dr Nor Azura A Rahman
bhrencana@bh.com.my

Kehadiran Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump ke negara ini sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur pada Oktober ini membawa pelbagai implikasi besar dari sudut ekonomi, geopolitik dan diplomasi antarabangsa.

Walaupun wujud suara mempersoalkan kewajaran jemputan ini, termasuk seruan mengadakan demonstrasi, kepentingan strategik dibawa oleh kehadiran Trump jauh mengatasi persepsi negatif yang timbul.

Malaysia kini berada di persimpangan penting dalam sejarah diplomasi serantau. Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Kuala Lumpur bakal menjadi pusat pertemuan pemimpin dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan rasmi beliau pada Perhimpunan Agung Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-46, menegaskan betapa mencabarnya untuk mengurus sidang kemuncak kali ini bukan sahaja dengan kehadiran Trump, bahkan Perdana Menteri China, Li Qiang.

Kenyataan Perdana Menteri mencerminkan Kuala Lumpur akan menjadi pentas penting mempertemukan kuasa besar dunia. Tidak banyak negara membangun mampu memposisikan diri sebagai 'hab' kepada pelbagai kuasa besar dunia serentak. Kehadiran Trump bersama pemimpin utama lain menjadi satu pengiktirafan terhadap peranan Malaysia sebagai kuasa pertengahan yang relevan, stabil dan diyakini dalam landskap geopolitik antarabangsa.

Dari sudut ekonomi, kedatangan Trump bersama pemimpin lain seperti Li Qiang dan kemungkinan Presiden Russia, Vladimir Putin turut memperkukuh persepsi bahawa Malaysia adalah destinasi pelaburan stabil.

Setakat separuh pertama 2025, Malaysia merekodkan pelaburan asing berjumlah RM190.3 bilion, dengan lebih 56 peratus daripadanya datang daripada pelaburan langsung asing. Ini memberikan seal of approval terhadap Malaysia sebagai medan selamat bagi pelabur global.

Diplomasi ekonomi ini membuktikan keupayaan Malaysia untuk menterjemahkan pertemuan berprofil tinggi kepada hasil yang konkrit, bukan sekadar pertemuan protokol, tetapi platform yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Tidak dapat dinafikan, Trump sering dikaitkan dengan dasar luar pro-Israel, yang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan umat Islam, termasuk di negara ini.

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin,

malah menyeru rakyat mengadakan demonstrasi bagi membantah kehadiran Trump, dengan menyifatkan beliau sebagai pemimpin membawa kejahatan ke seluruh dunia. Namun, pandangan ini perlu dilihat dalam konteks lebih luas.

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menegaskan kehadiran Trump membuka peluang kepada ASEAN untuk menyuarakan sendiri kekesalan terhadap kekejaman Israel di Gaza: "Saya rasa ada baiknya jika kita dapat bersemuka. Semua negara ASEAN boleh menyatakan dengan sendiri."

Perdana Menteri turut menegaskan Malaysia akan menggunakan kesempatan bersemuka dengan Trump untuk menyampaikan pendirian tegas berhubung Palestin: "Pada pertemuan dengan Presiden Trump, kita akan gunakan kesempatan itu untuk mengajak beliau memahami sikap dan pendirian tegas Malaysia dalam usaha mencapai keadilan, termasuk bagi Gaza dan Palestin."

Di sinilah terletaknya kebijaksanaan diplomasi Malaysia, menggunakan platform antarabangsa bukan untuk memutuskan dialog, tetapi untuk memperkukuhkan suara solidariti Palestin.

Demonstrasi jalanan mungkin menzahirkan kemarahan, tetapi ia tidak akan mengubah dasar luar kuasa besar. Sebaliknya, meja rundingan memberi

kan ruang lebih realistik untuk menekan pihak lawan.

Kehadiran Trump, Li Qiang dan mungkin juga Putin ke Kuala Lumpur membawa makna geopolitik besar. Malaysia membuktikan keupayaannya sebagai negara neutral yang boleh berfungsi sebagai broker kuasa yang jujur dalam hubungan antarabangsa.

Keupayaan Malaysia mengekalkan hubungan baik dengan ketiga-tiga kuasa besar dunia dalam masa singkat menunjukkan kredibiliti dasar luar negara seimbang dan pragmatik.

Kuala Lumpur kini dilihat sebagai pentas pertemuan neutral yang membolehkan kuasa besar dunia berunding dalam suasana lebih konstruktif. Kedudukan ini amat penting kerana rantau Indo-Pasifik kini semakin ditandingi kuasa besar.

Malaysia, sebagai Pengerusi ASEAN, berpotensi memainkan peranan sebagai jambatan menghubungkan kepentingan kuasa besar dengan keperluan negara membangun di Asia Tenggara.

Walaupun suara bantahan wujud, termasuk daripada ahli politik dan ahli agama, penting untuk difahami bahawa dasar luar negara tidak boleh digerakkan berdasarkan sentimen semata-mata.

Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 bertanggungjawab menunjukkan kematangan diplomasi. Menolak Trump hanya kerana dasar beliau terhadap Israel akan melemahkan kedudukan Malaysia di mata dunia serta merugikan peluang ekonomi dan diplomasi yang boleh diraih.

Demonstrasi tidak lebih daripada ekspresi kemarahan. Namun, dialog dan diplomasi mampu menghasilkan kesepakatan serta komitmen, bahkan tekanan terhadap pihak lawan. Kehadiran Trump perlu dilihat sebagai peluang emas untuk Malaysia mengukuhkan imejnya sebagai negara berdaulat, matang dan bijaksana dalam mengurus kuasa besar dunia.

Kesimpulannya, kehadiran Trump ke Malaysia sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 adalah peluang strategik yang tidak wajar dipandang remeh. Dari segi ekonomi, ia membuka ruang pelaburan dan akses kepada pasaran global.

Dari segi geopolitik, ia meletakkan Malaysia sebagai hab diplomasi neutral diiktiraf kuasa besar. Dari sudut Palestin pula, ia menyediakan saluran langsung untuk Malaysia menyuarakan pendirian tegasnya kepada Presiden AS sendiri.

Malaysia perlu terus berpegang pada prinsip dialog, diplomasi pintar dan keterbukaan. Kehadiran Trump walaupun kontroversial, sebenarnya adalah peluang besar untuk memperkukuh kedudukan Malaysia dalam arus ekonomi global dan geopolitik antarabangsa.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

